JABATAN PERANGKAAN
MALAYSIA

# SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

# STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

## BIL 13/2020

**RUJUKAN : 4 APRIL 2020**

@MyCensus2020
@StatsMalaysia
BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020
www.dosm.gov.my
www.mycensus.gov.my



**RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI**

## 1. PENDAHULUAN

Krisis kesihatan global yang sedang melanda dunia telah mempengaruhi aspek kehidupan dan kestabilan ekonomi dunia. Pandemik COVID-19 secara berterusan telah mengakibatkan jangkitan kes positif terus melonjak melepasi angka sejuta kes dengan kematian melebihi 50,000 sejak ia mula menular. Di Malaysia, peningkatan kes saringan harian yang secara puratanya melebihi 2000 individu dalam Fasa 2 Perintah Kawalan Pergerakan ini akan memberi implikasi kepada pertambahan kes positif dalam negara. Jumlah kumulatif jangkitan positif **meningkat kepada 3,483 kes daripada sejumlah 49,570 individu** yang terlibat dengan proses saringan. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan pada **4 April 2020** terdapat **pertambahan 150 kes positif** dicatatkan dengan antaranya menerusi **peningkatan di WP Kuala Lumpur sebanyak 52 kes** disusuli Selangor (27 kes), Pahang (24 kes) dan Sabah dengan jumlah 10 kes positif. Sementara itu, kes yang telah pulih meningkat kepada 88 dan menjadikan jumlah **bilangan discaj bertambah kepada 915 kes** atau 26.3 peratus dari keseluruhan kes. Sehingga kini sejumlah 57 kematian telah direkodkan, **pertambahan 4 kes** berbanding hari sebelumnya seperti pada Jadual 1.

Jumlah kumulatif jangkitan COVID-19 **diterajui oleh jumlah kes positif** melibatkan **kawasan lembah klang sebanyak 1,521 kes**, Zon Selatan (717 kes) wilayah Malaysia Timur (482 kes), Zon utara (399 kes), dan Zon Pantai Timur dengan 364 kes. Secara umumnya, **terdapat 17 daerah** dari seluruh negara yang merekodkan catatan **jangkitan positif melebihi 40 kes** dengan **Lembah Pantai, Hulu Langat dan Petaling** menerajui **jumlah kumulatif tertinggi** iaitu melebihi 290 kes positif sehingga 3 April 2020.

**Di seluruh dunia, jumlah jangkitan COVID-19** telah mencecah **1,096,067** kes dengan **jumlah kematian 58,791**. Kes positif di **Amerika Syarikat** telah **meningkat kepada 275,586** diikuti Itali 119,827 sementara Sepanyol menghampiri dengan jumlah 119,119 kes. **Jerman telah mengatasi China** dengan perbezaan 8,648, iaitu sebanyak 91,159 kes pada 4 April 2020. Pada masa yang sama, statistik bilangan **kematian tertinggi masih kekal** dicatatkan **di Itali iaitu 14,681 kematian, disusuli** Sepanyol dengan **angka yang semakin meruncing** apabila meningkat **sebanyak 850 kes** menjadikan jumlah keseluruhan 11,198. Kadar kematian peringkat global dicatatkan pada kadar 5.36 peratus manakala kes sembuh meningkat kepada 225,884 seperti pada jadual 2.

Impak pencegahan penularan pandemik global ternyata telah memberikan kesan signifikan kepada kesihatan ekonomi dunia. Langkah-langkah sekatan perjalanan dan kawalan pergerakan memberi implikasi kepada pengeluaran, rantaian bekalan dan guna tenaga. Pertumbuhan **Keluaran Dalam Negeri Kasar Malaysia** diunjurkan **berkembang antara -2.0% hingga + 0.5% pada tahun 2020** menurut Bank Negara Malaysia. Pakej rangsangan yang diumumkan kerajaan meliputi **sokongan kepada perniagaan** disamping **melindungi kebajikan rakyat** akan membantu **mengimbangi kesan negatif** ke atas ekonomi dan pendapatan boleh guna. Insentif seperti pemberian diskaun bagi penggunaan elektrik, Program Subsidi Upah, dana tambahan Perusahaan Kecil dan Sederhana PKS termasuk penangguhan pembayaran cukai pendapatan PKS dan penangguhan bayaran serta penjadualan semula sumbangan majikan bagi KWSP merupakan antara langkah yang digarap bagi melindungi aktiviti perniagaan di Malaysia. Sementara itu, untuk memastikan transaksi perbelanjaan kekal kukuh antara mekanisma yang digerakkan adalah menerusi pemberian tunai secara one-off dengan peruntukan hampir RM10 bilion melalui Bantuan Prihatin Nasional disamping program Bantuan Sara Hidup (BSH) dan pengeluaran pra-persaraan Skim Persaraan Swasta.

Prospek pertumbuhan ekonomi dikebanyakan negara turut terkesan dengan situasi kejutan ekonomi global ini. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada pelbagai sumber memberikan butiran pasaran ekonomi berikut;

> **JERMAN**: Menteri Kewangan Jerman menyatakan **kerajaan akan memberi pengecualian cukai VAT** kepada syarikat yang memberi sumbangan bukan kewangan kepada **institusi kesihatan seperti hospital, pengamal perubatan dan fasiliti penjagaan semasa krisis COVID-19** ini melanda. Selain itu, bayaran bonus yang diterima oleh pekerja yang bertugas semasa krisis COVID-19 turut akan dikecualikan cukai sehingga sejumlah ambang 1,500 euro. (Reuters)
>
> **GLOBAL**: Gabungan OPEC+ menyeru para pengeluar minyak utama lain untuk bersepakat **mengurangkan pengeluaran minyak global** bagi **mengatasi harga minyak yang rendah**. Menurut sumber, disasarkan **pengurangan sebanyak 10 juta tong sehari**. Walau bagaimanapun, penurunan pengeluaran sebanyak 10 juta tong sehari dilihat tidak dapat menampung sepenuhnya kejatuhan minyak mentah dunia yang terkesan dari kemelesetan ekonomi akibat COVID-19. Dianggarkan **permintaan** ke atas komoditi itu telah **turun sebanyak 35 juta tong sehari**. (Bloomberg)
>
> **FILIPINA**: Beribu **simpanan kargo tidak dituntut** di pelabuhan utama Manila, Filipina akibat perintah kuarantin menyekat pergerakan kargo dan operasi perniagaan di negara tersebut. Sehingga 27 Mac 2020, dianggarkan sebanyak **36,800 unit kargo yang diimport** diletakkan di Manila International Container Terminal, iaitu **66 peratus peningkatan** sebelum perintah kuarantin dikenakan. (Bloomberg)

**AS**: Kadar pengangguran AS meningkat kepada 4.4 peratus pada Mac 2020 dengan anggaran sebanyak 701,000 tenaga kerja hilang pekerjaan. (Bloomberg)

**ASIA**: Asian Development Bank (ADB) menganggarkan kadar pertumbuhan ekonomi di negara membangun asia perlahan kepada 2.2 peratus pada 2020 berbanding 5.2 peratus yang dicatatkan pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, pemulihan dijangka pada 2021 dengan kadar peningkatan KDNK 6.2 peratus. Sementara itu, kadar inflasi dijangka meningkat kepada 3.2 peratus pada 2020 berbanding 2.9 peratus dicatatkan pada tahun sebelumnya. Dianggarkan penularan COVID-19 menyebabkan kerugian sebanyak USD 2.0 trilion hingga USD 4.1 trilion kepada ekonomi dunia dengan nisbah antara -2.3 peratus hingga -4.8 peratus kepada KDNK Global. (Asian Development Outlook 2020)

Ringkasan polisi yang diperkenalkan oleh kerajaan negara luar sebagai respon kepada situasi semasa berkenaan impak pandemik COVID-19 boleh dilayari menerusi link berikut;

https://www.imf.org/en/Topics/imf-and-covid19/Policy-Responses-to-COVID-19?

## PASARAN SAHAM

FBM KLCI ditutup marginal -0.02% lebih rendah pada 3 April 2020. Pasaran saham domestik ditutup rendah apabila kaunter rugi melebihi kaunter untung pada nisbah 440:390. Saham-saham Sektor Teknologi mempengaruhi kejatuhan keseluruhan pasaran hari ini apabila susut -1.4%.

Sementara itu, pasaran saham di AS ditutup rendah pada Jumaat lepas apabila data pengangguran US yang diumumkan menunjukkan kesan awal pandemik COVID-19 ke atas ekonomi AS. Jabatan Buruh AS melaporkan sebanyak 701,000 kehilangan pekerjaan semalam dengan kadar pengangguran naik kepada 4.4 peratus. DJIA AS ditutup 360.91 mata, atau -1.69% lebih rendah kepada 21,052.53. Selain itu, S&P 500 merosot 38.25 mata (-1.51%) kepada 2,488.65 dan Nasdaq Composite Index jatuh 114.23 mata (-1.53%) kepada 7,373.08.

Di Eropah, pasaran saham (3 April 2020) merudum apabila Stoxx Europe 600, FTSE 100, CAC 40 (Perancis) dan DAX (Jerman) masing-masing merosot -0.97%, -1.18%, -1.57% dan -0.47%.

Di rantau Asia, Hang Seng (Hong Kong) turun -0.19%, SCI (China) menyusut -0.6%, STI (Singapura) turun -2.6%, IDX (Indonesia) naik 2.02 %, BSE Sensex (India) turun -2.39%, SET (Thailand) naik 0.05%, KOSPI (Korea Selatan) meningkat 0.03% dan Nikkei 225 (Jepun) naik marginal 0.01% lebih tinggi.

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Russia bersedia bekerjasama dengan Arab Saudi dan Amerika Syarikat (AS)** untuk **mengurangkan pengeluaran minyak** bagi menangani isu kejatuhan harga minyak sejak kebelakangan ini susulan **kemerosotan permintaan** dan **ketidaktentuan ekonomi global akibat pandemik Covid-19.**

2. **Bank Negara Malaysia (BNM) menjangkakan ekonomi** akan **meningkat semula pada tahun depan** sejajar unjuran pemulihan di peringkat global berikutan penularan Covid-19. Beberapa negara termasuk negara maju akan meneruskan langkah sekatan dan menangguhkan operasi yang sebaliknya terus **menjejaskan permintaan luar terhadap eksport Malaysia.**

3. **Aktiviti perniagaan syarikat logistik melonjak sepanjang tempoh PKP** terutamanya bagi **topeng muka pembedahan**, **produk vitamin tambahan** dan **barangan keperluan harian.** Pada masa yang sama, **penggunaan e-dagang semakin meluas** dalam kalangan pengguna dan industri bagi memudahkan pembelian dan penjualan barangan keperluan sepanjang tempoh PKP.

4. **Harga siling topeng muka ditetapkan pada kadar RM1.50** setelah mengambil kira pelbagai faktor berkaitan terutamanya harga diimport. Selain itu, **keputusan untuk mengimport topeng muka** dilakukan apabila **kadar pengeluaran tempatan semakin berkurangan.**

5. **Saham bagi dividen besar** dilihat lebih daya tahan kepada kejutan daripada wabak COVID-19 **apabila para pelabur** lebih fokus kepada ***capital preservation*** daripada ***capital gains***.

6. Pembayaran **fasa pertama Bantuan Prihatin Nasional (BPN)** yang membabitkan peruntukan sebanyak **RM5.63 bilion** kepada **8.3 juta penerima isi rumah** dan individu bujang, akan dibuat secara berperingkat mulai **Isnin ini (6 April 2020**).

7. **F&N sebagai pengeluar tenusu dan minuman utama** di Malaysia telah diberi kelulusan untuk **meneruskan operasi** dalam tempoh PKP dengan tenaga kerja dan **waktu operasi yang minima**.

8. **Pembinaan projek ECRL dan MRT2** akan diteruskan manakala beberapa projek mega lain perlu dikaji semula samaada diteruskan atau ditangguhkan.

9. **Syarikat Lion Group** menggesa kerajaan supaya membenarkan sekurang-kurangnya **50% tenaga kerja** dalam **sektor pembuatan**, **pembinaan** dan **perlombongan** dibenarkan beroperasi semasa tempoh PKP.

10. **Pembuangan sisa klinikal** di negara ini **meningkat kepada 27 peratus bulan Mac** berbanding 17 peratus pada Februari. Peratusan sisa klinikal ini **lebih tinggi berbanding purata tahun sebelumnya**, dengan pembuangan sisa terbabit meliputi sarung tangan, penutup mulut dan hidung serta pakaian daripada pusat kesihatan dan klinik.

11. FGV Holdings Bhd. **mewujudkan pelan tindakan** bagi memastikan semua amalan syarikat pertanian dan komoditi pertanian yang membabitkan aspek tenaga kerja sejajar dengan **ketetapan piawaian buruh antarabangsa** dan menangani kebimbangan dibangkitkan Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO). Terdapat **lebih 30,000 pekerja migran** yang berkhidmat di ladang FGV.

12. **AirAsia Group Bhd** melancarkan kempen bagi membantu perniagaan tempatan melalui Kempen ***Save Our Shops*** **(SOS)** yang membolehkan peniaga mendaftar pada **kadar komisen sifar dan yuran penyenaraian sifar sepanjang April 2020** bagi memasarkan produk mereka di platform e-dagang di laman sesawang airasia.com. Walau bagaimanapun, para peniaga perlu menanggung **caj transaksi perbankan sebanyak 2 peratus** bagi setiap jualan yang dibuat.

13. Sebanyak **5 lima hotel terkenal di bandaraya Melaka** dijangka akan ditutup pada Mei 2020. Seramai 95 pekerja telah diarahkan untuk mengambil cuti tanpa gaji semasa tempoh PKP

14. **Kebanyakan syarikat dan pemandu teksi** mengalami penurunan **pendapatan sehingga 90 peratus pada bulan Mac 2020** disebabkan wabak Covid-19 dan PKP yang dilaksanakan kerajaan serta **menjangkakan pendapatan yang minimum bagi bulan-bulan** selanjutnya.

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Edge Markets** | **Agrobank teams up with Sarawak Govt to help SMEs weather COVID-19 impact**<br><br>The bank offering two schemes and would collaborate with Sarawak Economic Development Corporation (SEDC) to disburse the RM50 million micro credit funds allocated under the package.<br><br>The Sarawak Micro Credit Scheme 1 (SMCS 1) offers B40 entrepreneurs financing ranging from RM1,000 to RM5,000 with zero profit charge.<br><br>The Sarawak Micro Credit Scheme 2 (SMCS 2) offers financing from RM5,000 up to RM50,000. Adding that the micro-credit funds would benefit some 62,000 SME entrepreneurs statewide.<br><br>The significant number of customers served has demonstrated that economic activities in Sarawak are vibrant and this programme provides an abundance of opportunities for B40 and SME entrepreneurs and its ecosystem to grow their businesses during this challenging time. | https://www.theedgemarkets.com/article/agrobank-teams-sarawak-govt-help-smes-weather-covid19-impact |
| 2. | **The Edge Markets** | **Finance Ministry finalising special stimulus package for SMEs** | https://www.theedgemarkets.com/article/finance-ministry-finalising-special- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | The special stimulus package was drafted after several meetings between MOF and SME representatives, which also involved discussions with the International Trade and Industry Ministry and SME Corporation Malaysia to finalise the proposal.<br><br>Under the proposed package, MOF has taken into consideration the entire spectrum of companies in Malaysia, including the needs of SMEs and micro enterprises. | stimulus-package-smes-0 |
| 3. | **The Malaysian Reserve** | **Malaysia on the verge of a recession**<br><br>Malaysia's gross domestic product may shrink as much as 2% this year as the coronavirus pandemic drags the world into a recession and pulls the brakes on the country's 11 years growth trajectory.<br><br>The global slowdown and domestic pandemic containment measures will result in large output losses for the first half of this year.<br><br>Malaysia will see continued commodity supply disruptions, as the drought last year will affect oil palm yields and maintenance works will hamper production of a number of oil and gas facilities. | https://themalaysianreserve.com/2020/04/03/malaysia-on-the-verge-of-a-recession/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4. | **Berita Harian** | **COVID-19: Bayaran BPN bermula Isnin**<br><br>Kerajaan akan membuat pembayaran fasa pertama Bantuan Prihatin Nasional (BPN) secara berperingkat, mulai Isnin ini.<br><br>Pembayaran membabitkan peruntukan berjumlah RM5.63 bilion itu akan memberi manfaat kepada 8.3 juta isi rumah.<br><br>Dalam pengumuman berkenaan jumlah keseluruhan pembayaran BPN membabitkan RM9.24 bilion akan dibayar dalam dua fasa. Bantuan secara one-off ini juga buat pertama kalinya disalurkan kepada kumpulan M40. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/672812/covid-19-bayaran-bpn-bermula-isnin |
| 5. | **Berita Harian** | **Sistem kewangan, ekonomi Malaysia mampu depani kesan COVID-19**<br><br>Berita Harian melaporkan bahawa Gabenor Bank Negara menyatakan keyakinan bahawa Ekonomi Malaysia mampu menangani impak penularan COVID-19 disokong oleh kepelbagaian asas ekonomi, pengukuhan sistem kewangan dan lebihan akaun semasa yang utuh.<br><br>Menurut beliau "Meskipun berdepan impak penularan virus itu, masih ada pengukuhan dalam ekonomi negara dan setakat ini COVID-19 belum lagi mengubah pengukuhan berkenaan." | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/672432/sistem-kewangan-ekonomi-malaysia-mampu-depani-kesan-covid-19 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Tambah beliau lagi "Ekonomi Malaysia sangat pelbagai, sekali gus membolehkan kita berdepan cabaran dengan kedudukan yang lebih baik. Pelaksanaan projek infrastruktur juga akan menyediakan rangsangan tambahan kepada pertumbuhan ekonomi negara." | |

Penemuan penting & isu:

1. Artikel 1 dan 2 – Inisiatif membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana diteruskan oleh Kementerian Kewangan dan juga Kerajaan Negeri Sarawak. Kementerian Kewangan dalam usaha memperhalusi sebuah pakej rangsangan khas bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Manakala kerajaan Sarawak dengan kerjasama Agrobank menawarkan dua skim kredit mikro dengan peruntukan berjumlah RM50 juta.
2. Artikel 4 – Pembayaran Bantuan Prihatin Nasional (BPN) fasa pertama yang membabitkan peruntukan berjumlah RM5.63 bilion akan diagihkan secara berperingkat bermula 6 April 2020. Jumlah keseluruhan pembayaran BPN membabitkan RM9.24 bilion akan dibayar dalam dua fasa. Bantuan secara one-off ini juga buat pertama kalinya disalurkan kepada kumpulan M40. Kesan BPN ini dijangka dapat dilihat pada suku kedua 2020 iaitu selaras dengan tempoh pembayaran dilaksanakan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kerajaan persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak menyedari keperluan membantu PKS sepanjang PKP berlangsung. Inisiatif yang dirancangkan serta peruntukan tambahan daripada kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) adalah usaha yang dilaksanakan untuk membantu mengurangkan impak COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kepada PKS akan memberi kesan kepada statistik Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan secara keseluruhan kepada ekonomi Malaysia.
2. Agihan Bantuan Prihatin Nasional (BPN) kepada 8.3 juta isi rumah secara teknikal akan memberikan suntikan pendapatan boleh guna sektor isi rumah dan perbelanjaan akhir isi rumah pada suku kedua 2020. Perbelanjaan ini dijangka memberi kesan kepada indikator ekonomi bagi bulan April 2020.

| B. | Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit** | | |
| 1. | **Malay Mail** | **Sabah standardises operation hours for various sectors during MCO**<br><br>The Sabah government, through the Sabah Covid-19 Command Centre has decided to standardise the operation hours and issue procedures on the implementation of phase two of the movement control order (MCO).<br><br>Food business, as well as those providing basic needs, comprising supermarkets, groceries, convenience stores, bakeries, restaurants, and delivery using motorcycles are only allowed to operate from 6am to 6pm. | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/04/sabah-standardises-operation-hours-for-various-sectors-during-mco/1853495 |
| 2. | **Malay Mail** | **Unhappy with RM1.50 ceiling price for face masks? Lodge an appeal with MOF, minister advises local businesses**<br><br>The new ceiling price for face masks has been fixed at RM1.50 by the government, effective 1st April 2020.<br><br>The ceiling price of RM1.50 for a piece of three-ply medical grade face masks takes into consideration import costs as well as consumers' ability to buy the item.<br><br>Meanwhile, pharmacies may suffer from a sudden drop in | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/04/unhappy-with-rm1.50-ceiling-price-for-face-masks-lodge-an-appeal-with-mof-m/1853522 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | prices as they are not given any prior notice or consultation. | |
| 3. | **Malay Mail** | **Shifting businesses from offline to online — Nurafifah Mohammad Suhaimi**<br><br>This is the perfect time for businesses to begin selling online, or increase how much they can sell online.<br><br>Lazada claims that their site has experienced a spike in orders from the start of the MCO. The demand for food, personal care and household cleaning supplies are increasing drastically. | https://www.malaymail.com/news/what-you-think/2020/04/04/shifting-businesses-from-offline-to-online-nurafifah-mohammad-suhaimi/1853465 |
| 4. | **My Metro** | **F&N dibenar beroperasi**<br><br>Fraser & Neave Holdings Bhd (F&N) telah diberi kelulusan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan pihak berkuasa tempatan yang berkaitan untuk menjalankan operasi ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan tenaga kerja dan waktu operasi pada skala yang minimum.<br><br>Sebagai pengeluar tenusu dan minuman utama di Malaysia, kumpulan ini komited untuk menyokong pelanggan, rakan perdagangannya dan komuniti secara menyeluruh melalui bekalan produk teras yang mencukupi dalam persekitaran ketidakpastian. | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2020/04/562292/fn-dibenar-beroperasi |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan** | | |
| 5. | **New Straits Times** | **Taxi Drivers, Companies See Earnings Plunge 90% During MCO**<br><br>Gabungan Persatuan dan Syarikat-Syarikat Teksi Semenanjung Malaysia (GPST) appealed to the government to look into the wellbeing of taxi drivers and companies, many of which saw their earnings drop by up to 90 per cent last month.<br><br>In March, taxi companies and drivers have seen an over 90 per cent drop in revenue and expecting zero or minimal revenue for the next few months, even after April. | https://www.nst.com.my/news/nation/2020/04/581225/taxi-drivers-companies-see-earnings-plunge-90pct-during-mco |
| | **C. Subsektor Makanan & Minuman** | | |
| 6. | **Free Malaysia Today** | **Pembatalan bazar Ramadan jejas perniagaan 'food truck'**<br><br>Presiden Kelab FoodTruck Selangor akan mencadangkan supaya 20 hingga 30 food truck dibenarkan beroperasi pada satu masa namun memenuhi permintaan atas talian sahaja dengan penghantar makanan akan menghantar pesanan kepada pelanggan.<br><br>Pembatalan bazar Ramadan adalah tamparan besar kepada pengendali food truck kerana bulan puasa memberi pulangan yang boleh menjana keuntungan RM8,000 hingga RM10,000 dalam tempoh sebulan itu. | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2020/04/04/pembatalan-bazar-ramadan-jejas-perniagaan-food-truck/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **D. Subsektor Maklumat & Komunikasi** | | |
| 7. | **Malay Mail** | **Maxis to provide hospitals with essential connectivity**<br><br>Maxis Bhd (Maxis) will be providing fixed wireless broadband and wireless broadband to the Hospital Sungai Buloh and Hospital Kuala Lumpur in support of efforts to fight against the Covid-19 pandemic.<br><br>The company will also providing mobile communication devices and is investing to further strengthen the network performance coverage at the hospitals for the benefit of all users on location. | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/04/maxis-to-provide-hospitals-with-essential-connectivity/1853528 |
| | **E. Subsektor Pentadbiran Khidmat & Sokongan** | | |
| 8. | **Malaysia Today** | **From Malaysia's Largest Convention Centre To Hospital In Four Days**<br><br>Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) was converted into a temporary hospital to house Covid-19 within 4 days.<br><br>Two halls in MAEPS – Hall A (9,600 sq m) and Hall C (3,600 sq m) have been turned into a quarantine and treatment centre to treat Covid-19 patients with light symptoms or those who are asymptomatic. | https://www.malaysiatoday.net/2020/04/04/from-malaysias-largest-convention-centre-to-hospital-in-four-days/ |

Penemuan penting & isu:

1. Kerajaan negeri Sabah telah menyeragamkan waktu operasi perniagaan bagi perniagaan makanan dan penjualan barang keperluan asas di pasar raya, kedai serbaneka, kedai roti, kedai makan dan penghantaran

menggunakan motosikal bermula jam 6 pagi hingga 6 petang dalam tempoh fasa kedua PKP.

2. Harga siling sekeping penutup hidung telah ditetapkan pada harga RM1.50 oleh kerajaan dan ia telah mengambil kira kos import dan juga kemampuan pembeli.
3. Tempoh PKP merupakan masa yang tepat untuk memulakan perniagaan dalam talian, atau meningkatkan berapa banyak penjualan secara dalam talian.
4. F&N sebagai pengeluar tenusu dan minuman utama di Malaysia telah diberi kelulusan untuk meneruskan operasi dalam tempoh PKP dengan tenaga kerja dan waktu operasi yang minima.
5. Lazada sebagai platform eCommerce telah melancarkan tiga inisiatif untuk memperkasakan masyarakat setempat dengan membantu para petani tempatan memasarkan jualan produk secara atas talian sepanjang PKP.
6. Kebanyakan syarikat dan pemandu teksi mengalami penurunan pendapatan sehingga 90 peratus pada bulan Mac 2020 disebabkan wabak Covid-19 dan PKP yang dilaksanakan kerajaan serta menjangkakan pendapatan yang minimum bagi bulan-bulan selanjutnya.
7. Kelab FoodTruck Selangor akan mencadangkan supaya peniaga food truck dibenarkan beroperasi dengan cara jualan atas talian berikuan pembatalan bazar Ramadan.
8. Dua dewan kosong di MAEPS telah berjaya diubah menjadi pusat rawatan serba lengkap bagi pesakit Covid-19 yang mempunyai simptom ringan atau tidak mempunyai simptom.

Maklumbalas Bahagian:

1. Waktu operasi perniagaan yang telah dihadkan akan menyebabkan premis perniagaan terutamanya perniagaan runcit akan memberi kesan kepada hasil jualan.
2. Jualan secara atas talian dii semakin mendapat permintaan dalam beberapa bulan ini.
3. Pembatalan bazar Ramadan akan menjejaskan pendapatan peniaga di bawah aktivti food truck.
4. Kejatuhan pendapatan yang dialami oleh syarikat dan pemandu teksi akan memberikan kesan penurunan hasil sehingga 90 peratus kepada Perkhidmatan Operasi Teksi dan Limosin (49224) termasuk Kereta Sewa dengan Pemandu (49225) di bawah pengangkutan darat.

| **C.** | **Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Harian Metro** | **Ekonomi dijangka beransur meningkat**<br><br>Ekonomi Malaysia dijangka berkembang secara beransur- | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2020/04/562270/ekonomi-dijangka- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | ansur pada separuh kedua tahun ini, dipacu terutamanya oleh Kadar Dasar Semalaman (OPR) serta projek infrastruktur berskala besar yang dihidupkan semula.<br><br>Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus berkata, berikutan penularan Covid-19, beberapa negara termasuk negara maju akan meneruskan langkah sekatan dan menangguhkan operasi yang sebaliknya terus menjejaskan permintaan luar terhadap eksport (Malaysia). | beransur-meningkat |
| 2. | **Bernama** | **Palm oil refiners asks government to lift MCO on plantation industry**<br><br>The Palm Oil Refiners Association of Malaysia is appealing to the Sabah government to allow industry players and its supply chains to work in unison during the extended movement control order (MCO) period.<br><br>This is simply to avoid operational disruption for the benefit of the consumers and economy as a whole, its chairman, Jamil Haron said in a statement today.<br><br>"Without a constant supply of crude palm oil, the refineries have to shut down, leading to loss of revenue, layoffs and a host of other problems, not mentioning a cut-off in the supply of cooking oil in the domestic market," he said. | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1828309 |

<table>
<tr>
<td>3.</td>
<td>Malay Mail</td>
<td>Report: Northern Malaysia-Thai border to reopen — but only to allow latex imports for rubber glove production<br><br>Despite the ongoing movement control order (MCO), Malaysian authorities have instructed that the Padang Besar-Songkhla border be reopened to facilitate the import of latex for the manufacturing of rubber gloves, reports the Bangkok Post.<br><br>Quoting the Rubber Authority of Thailand’s (RAOT) acting governor Kajohnjak Nuanphromsakul, the report states that the border at the Sadao checkpoint will be reopened on Monday in reaction to the rising demand for rubber gloves amid the Covid-19 pandemic.</td>
<td>https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/04/report-northern-malaysia-thai-border-to-reopen-but-only-to-allow-latex-impo/1853432</td>
</tr>
<tr>
<td colspan="4">Penemuan penting & isu:
<ol>
<li>BNM menjangkakan ekonomi akan meningkat semula pada tahun depan sejajar unjuran pemulihan di peringkat global berikutan penularan Covid-19. Beberapa negara termasuk negara maju akan meneruskan langkah sekatan dan menangguhkan operasi sekaligus menjejaskan permintaan luar terhadap eksport Malaysia.</li>
<li>Persatuan Kilang Penapis Minyak Sawit Malaysia meminta kerajaan negeri Sabah membenarkan pemain industri dan rantaian bekalan untuk bekerja secara serentak sepanjang tempoh PKP. Kebanyakan kilang penapis telah menjual dan menandatangani kontrak dengan pembeli luar Negara. Pada 30 Mac, kerajaan negeri Sabah membuat keputusan untuk melanjutkan penutupan operasi ladang kelapa sawit sehingga 14 April dan memperluaskan arahan itu kepada enam daerah. Sabah ialah negeri pengeluar sawit terbesar di Malaysia dan menyumbang 25 peratus daripada jumlah minyak sawit negara pada 2019.</li>
<li>Pihak berkuasa Malaysia telah mengarahkan bahawa sempadan Padang Besar-Songkhla dibuka semula pada hari Isnin bagi memudahkan import getah bagi pembuatan sarung tangan getah sebagai tindak balas terhadap peningkatan permintaan semasa pandemik Covid-19.</li>
</ol>
</td>
</tr>
</table>

Maklumbalas Bahagian:

1. Pada bulan Februari 2020, nilai eksport bernilai RM74.5 bilion direkodkan (peningkatan 11.8% berbanding Februari 2019). Nilai import pula meningkat 11.3% kepada RM61.8 bilion. Jumlah dagangan bernilai RM136.3 bilion (meningkat RM14.1 bilion atau 11.6%). Lebihan dagangan dicatatkan bernilai RM12.6 bilion, meningkat RM1.6 bilion atau 14.1% berbanding setahun lalu.
2. Malaysia merupakan pengeksport minyak kelapa sawit kedua terbesar dunia selepas Indonesia. Nilai eksport bagi minyak kelapa sawit dan hasil keluaran (HS Code: 1511) pada tahun 2019 mencecah RM34.5 bilion. Negara destinasi utama eksport Malaysia pada tahun 2019 adalah India dengan nilai RM8.0 bilion (23.2%). Nilai eksport bagi minyak kelapa sawit dan hasil keluaran dijangka merosot pada tahun 2020 susulan penularan wabak Covid-19 di seluruh dunia.
3. Malaysia merupakan pengeluar terbesar sarung tangan getah dan membekalkan kira-kira 65% kepada permintaan dunia dengan nilai eksport mencecah RM17.4 bilion pada tahun 2019 dan juga menggunakan lateks Thailand dalam pembuatannya.
4. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak Covid-19.

| **D.** | **Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Star** | **Waiting game for construction sector**<br><br>The East Coast Rail Link (ECRL) and the Mass Rapid Transit 2 (MRT2) projects will proceed. But worries that some mega infrastructure projects could be reviewed or delayed, given the government's stretched finances, have cast uncertainty over the construction sector. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/04/waiting-game-for-construction-sector |
| 2. | **The Star** | **Allow 50% workforce in three sectors, govt urged**<br><br>The Lion Group is urging the government to allow at least half of the workforce within the manufacturing, construction | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/04/allow-50-workforce-in-three-sectors-govt-urged |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | and mining sectors to resume operations during the movement control order (MCO). On the construction sites, the President of the Malaysia Steel Association said the employees are keeping a distant from each other, with less than 50 workers to an acre, performing different tasks such as bar-bending, bricklaying, or carpentry. | |
| 3. | **The Star** | **Malaysians send 3D-printed masks, meals to front-line coronavirus medics**<br><br>An army of volunteers stepped up to produce hundreds of face shields at a workshop with 3D-printing and carving machines. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/04/malaysians-send-3d-printed-masks-meals-to-front-line-coronavirus-medics |

Penemuan penting & isu:

1. Pembinaan projek ECRL dan MRT2 akan diteruskan manakala beberapa projek mega lain perlu dikaji semula samaada diteruskan atau ditangguhkan.
2. Syarikat Lion Group menggesa kerajaan supaya membenarkan sekurang-kurangnya 50% tenaga kerja dalam sektor pembuatan, pembinaan dan perlombongan dibenarkan beroperasi semasa tempoh PKP.
3. Sekumpulan sukarelawan membantu menghasilkan penutup muka menggunakan percetakan 3D bagi membantu barisan hadapan menghadapi COVID-19.

Maklumbalas Bahagian:

1. Bahagian akan terus memantau progress projek-projek mega sama ada diteruskan atau tidak serta kesannya kepada sektor pembinaan. Selain itu, Bahagian turut menyemak prestasi data bahan binaan yang terkesan disebabkan kawalan pergerakan yang mengganggu rantaian bekalan bahan sektor pembinaan.
2. Membuat semakan ke atas bilangan pekerja dalam sektor pembuatan, pembinaan dan perlombongan sebelum, semasa dan selepas tempoh pelaksanaan PKP.
3. Bahagian akan memantau perkembangan industri percetakan 3D yang semakin berkembang terutama semasa penularan wabak COVID-19.

| E. | Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Star** | **Logistics weathering through the MCO**<br><br>Logistics companies are enjoying a brisk spike in business during the movement control order (MCO) period. It recorded high growth in shipments of surgical face masks and vitamin supplements but a bit slow for other goods during the first week.<br><br>For GDEX, B2B segment makes up 60% while C2C segment only contributes about 3%-4% of GDEX's total revenue. Century Logistics focus on its ship-to-ship and property (warehousing) segments, while Tiong Nam has been utilized their warehousing facilities and logistics support for essential products; and oil and gas sectors.<br><br>The MCO period has incentivised consumers to utilise e-commerce platforms to get their daily essentials, while various industries have shown increased reliance on e-commerce and last mile delivery services to get their goods to consumers during the MCO. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/04/logistics-weathering-through-the-mco |
| 2. | **Berita Harian** | **Russia sedia bekerjasama kurangkan pengeluaran minyak**<br><br>Russia bersedia bekerjasama dengan Arab Saudi dan Amerika Syarikat (AS) untuk mengurangkan pengeluaran minyak, antara kira-kira 10 juta tong sehari. | https://www.bharian.com.my/dunia/eropah/2020/04/672832/russia-sedia-bekerjasama-kurangkan-pengeluaran-minyak |

| | | | |
|---|---|---|---|
